



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AHMAD SAIFUDDIN BIN MOHAMAD NOR
TOK IMAM MASJID LAMA PULAI CHONDONG**

OLEH:

MUHAMMAD LUQMAN B. RAZALI	2017275962
ABDUL SHAHRUL AZIM B. SUDIN	2017275912
MUHAMMAD KHAIRI B. JAMALLUDDIN	2017275636

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
AHMAD SAIFUDDIN BIN MOHAMAD NOR
TOK IMAM MASJID LAMA PULAI CHONDONG**

OLEH:

MUHAMMAD LUQMAN B. RAZALI	2017275962
ABDUL SHAHRUL AZIM B. SUDIN	2017275912
MUHAMMAD KHAIRI B. JAMALLUDDIN	2017275636

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan salam penghargaan kami hулurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugas IMR604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) kami ini.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan NurulAnnisa Binti Abdullah yang telah membimbing kami sepanjang tugas ini berlangsung. Dorongan dan tunjuk ajar beliau telah banyak membantu kami selain mencurahkan ilmu beliau untuk rujukan dan kegunaan kami untuk tugas ini dan rujukan masa hadapan.

Di samping itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tok Imam Masjid Lama Pulau Chondong iaitu Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor sebagai waris Masjid Lama Pulau Chondong yang kami temubual bagi berkongsi pengetahuan beliau sebagai sebagai waris masjid ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami amat menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor, Tok Imam Masjid Lama Pulau Chondong bersama pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Muhammad Luqman Bin Razali, Abdul Shahrul Azim Bin Sudin dan Muhammad Khairi Bin Jamalluddin. Transkrip ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lisan yang boleh dijadikan rujukan untuk masa akan datang. Temubual ini bermula dengan latar belakang beliau hingga karier perjalanannya. Juga dihuraikan pengetahuan beliau mengenai sejarah Masjid Lama Pulau Chondong dari segi penubuhannya dan peristiwa-peristiwa yang telah terjadi di sepanjang penubuhan masjid tersebut sehinggalah sekarang. Pendapat dan harapan juga turut dilontarkan di dalam temubual berikut oleh penemubual dengan dihuraikan dengan lebih rinci oleh beliau.*

Kata kunci: *Masjid Lama Pulau Chondong, Menara Masjid Tok Pulau Chondong.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	04
Bahagian 3: Kerjaya Terkini.....	05
Bahagian 4: Sejarah Masjid Tok Pulau Chondong.....	06
Bahagian 5: Sejarah Tok Pulau Chondong	15
Bahagian 6: Sejarah Menara Kayu Tok Pulau Chondong	20
Bahagian 7: Perkhidmatan dan Aktiviti	28
Bahagian 8: Pendapat	32
Bahagian 9: Pesanan dan Harapan	36
Rujukan.....	40
Lampiran	
Log Wawancara.....	43
Senarai soalan.....	44
Surat Perjanjian.....	45
Gambar.....	46
Indeks.....	48

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor

Umur : 33 Tahun

Tahun Lahir : Tahun 1985

Tempat Lahir : Kampung Surau Pulau Chondong, Kelantan

Status : Berkahwin

Pendidikan : Sekolah Menengah Madrasatul Quran Kubang Bujut, Kuala Terengganu.

PENGENALAN

PENGENALAN

Dokumentasi sejarah lisan merupakan satu objek yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang tidak dapat direkodkan sebelum ini dan juga sebagai memori kepada peristiwa yang telah dijadikan sesuatu bukti sejarah. Di samping itu, sejarah lisan juga membantu meningkatkan sumber-sumber sejarah dan sebagai bahan pendidikan kepada generasi akan datang.

Sejarah lisan yang direkodkan ini sangat berguna kepada persatuan-persatuan sejarah lisan di negara kita bagi memudahkan maklumat diperolehi melalui wawancara yang dijalankan. Kecekapan dan kebijaksanaan penemubual akan membantu tokoh yang diwawancara untuk memberikan maklumat secara tepat dan terperinci tentang sesuatu soalan yang diajukan oleh penemuramah.

Sejarah lisan yang direkodkan ini merupakan hasil maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pewaris Masjid Lama Pulau Chondong berdasarkan buku sejarah lama penubuhan masjid tersebut. Beliau adalah imam masjid tersebut selaku pewaris yang mewarisi Masjid Lama Pulau Chondong untuk meneruskan pengurusan masjid tersebut. Sehingga kini, kepentingan sejarah lisan ini telah terbukti dapat memberikan nilai ketamadunan masyarakat terdahulu dalam pembinaan dan ketepatan yang tinggi penggunaannya kepada masyarakat zaman sekarang. Di samping itu, ia juga dapat member kesedaran kepada anak-anak muda masa kini akan kemasyuran dari segi pembinaan masyarakat terdahulu sekaligus dapat menyemarakkan semangat anak muda masa kini yang akan terus memperjuangkan kelangsungan negara bangsa yang aman damai, maju dan makmur.

Hasil wawancara bersama pewaris Masjid Lama Pulau Chondong iaitu Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor telah banyak memberikan maklumat tentang sejarah penubuhan masjid lama pulau chondong dari awal hingga akhir serta peristiwa-peristiwa yang menjadi halangan dalam pembinaan masjid tersebut di mana belum pernah tercatat oleh mana-mana media perdana dinukilkan di dalam setiap buku-buku sejarah di luar sana. Sejarah dan seni pembinaan tidak dapat dipisahkan dari peradaban bangsa kerana dari seni pembinaan sesebuah peradaban bangsa akan dinilai secara kasar.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang sejarah penubuhan Masjid Lama Pulau Chondong bersama pewaris masjid tersebut iaitu Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor dengan ditemuramah oleh pelajar dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Machang. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

TI: Tuan Ahmad Saifuddin

ML: Muhammad Luqman

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai sejarah penubuhan Masjid Lama Pulau Chondong. Bersama-sama kami ialah Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor yang merupakan seorang imam di masjid lama pulau chondong. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 November 2018 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 3.30 petang bertempat di Masjid Lama Pulau Chondong. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Luqman B.Razali, Abdul Shahrul Azim B.Sudin dan juga Muhammad Khairi B.Jamalluddin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

ML : Boleh saya tahu nama penuh Tok Imam?

TI : Nama penuh saya Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor.

ML : Apakah nama gelaran Tok Imam?

TI : (menggelengkan kepala).

ML : Berapakah usia Tok Imam sekarang?

TI : Umur saya sekarang ialah 33tahun.

ML : Dimanakah Tok Imam dilahirkan?

TI : Saya dilahirkan di Kampung Surau Pulau Chondong dan dibesarkan di Kampung Surau Pulau Chondong.

ML : Dimanakah Tok Imam menetap sekarang?

TI : Sekarang saya menetap di Kampung Sungai Baru jugak[juga].

ML : Tok Imam mempunyai berapa orang adik-beradik?

TI : Saya mempunyai Sembilan orang adik-beradik—lima laki-laki[lelaki] dan empat perempuan—saya anak kedua dari Sembilan adik-beradik.

ML : Tok Imam mempunyai berapa orang anak?

TI : Sekarang ini saya mempunyai empat orang anak—kesemuanya lelaki.

ML : Apakah hobi Tok Imam pada masa lapang?

TI : Hobi saya pada masa lapang membuat kuih ataupun kek.

ML : Adakah Tok Imam berniaga?

TI : Berniaga sampingan.

ML : Bilakah tok imam dilantik sebagai imam masjid ini?

TI : Saya dilantik secara rasmi oleh Majlis Agama Islam pada 1 hari bulan September 2011.

ML : Apakah peranan tok imam sebagai imam di masjid ini?

TI : Peranan saya sebagai imam adalah mengimami solat, menguruskan jenazah, menguruskan zakat dan nikah cerai[pernikahan dan perceraian].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

ML : Dimanakah Tok Imam bersekolah rendah?

TI : Saya bersekolah di sekolah kebangsaan pulau chondong.

ML : Dimanakah Tok Imam bersekolah menengah?

TI : Sekolah Menengah Madrasatul Quran Kubang Bujut, Kuala Terengganu.

ML : Pada tahun berapakah Tok Imam bermula dan tamat persekolahan?

TI : bermula di persekolahan Kuala Terengganu pada tahun 1998 dan tamat persekolahan pada tahun 2009.

ML : Apakah kenangan manis yang tidak dapat tok imam lupakan disepanjang penganjian?

TI : Pengalaman yang tidak dapat dilupakan disepanjang pengajian ialah semasa khatam al-quran 30 juzuk secara hafazan.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI

ML : Dimanakah Tok Imam bekerja sebelum ini?

TI : Saya bekerja sebelum ini di Masjid Al-Munawarah, Seksyen 27 Shah Alam—
bekerja sebagai imam.

ML : Berapa tahunkah Tok Imam bekerja sebagai imam di masjid sana?

TI : Saya bekerja disana selama satu tahun tiga bulan dan balik ke kampung halaman
untuk bertugas disini juga sebagai imam pada tahun 2011.

ML : Mengapakah Tok Imam bertukar lokasi sebagai [dalam] kerjaya imam?

TI : Saya bertukar lokasi-bertukar tempat kerja atas saranan keluarga untuk
mengambil alih masjid ini sebagai masjid warisan pusaka.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SEJARAH MASJID TOK PULAI CHONDONG

ML : Bolehkah Tok Imam ceritakan mengapakah masjid ini dinamakan Masjid Tok Pulau Chondong?

TI : Masjid ini diberi nama masjid Tok Pulau Chondong adalah untuk mengenang jasa Tok Pulau Chondong kerana Tok Pulau Chondong sendiri yang memberi idea dan bersama-sama membina masjid ni.

ML : Bagaimanakah masjid ini telah dibina?

TI : Masjid ini telah dibina *dengey* [dengan] seluruh tenaga penduduk dikerah tidak kira lelaki atau pun *perempue*[perepmpuan]*dengey* [dengan] membawa peralatan masing-masing.

ML : Mengapakah masjid ini diketogorikan sebagai bangunan bersejarah?

TI : Masjid ini diketegori sebagai masjid bersejarah kerana salah satu masjid yang tertualah di *Kelante*[Kelantan]. Selain *tu*[itu], masjid *ni*[ini] juga sebagai bangunan bersejarah kerana terdapat pelbagai peristiwa yang terjadi pada zaman dahulu. Yang membuatkan ia lebih terkenal adalah *keunikey* [keunikan] menara kayu di masjid *ni*[ini]. Terdapat pelbagai peristiwa sebelum proses *pembinae*[pembinaan] masjid menara tersebut. Ini *membuatkey* [membuatkan]masjid ni menjadikan *tarikey* [tarikan] pencinta sejarah atau pengkaji untuk menyelidik tentang masjid ini.

ML : Adakah pembinaan masjid ini mendapat bantuan dari luar?

TI : Masjid *ni*[ini] semasa membina menara kayu *tu*[itu], kita mendapat *bantue*[bantuan] daripada penduduk Jeli[Kelantan] yang membawa *rotey*[rotan] untuk mengikat kayu untuk mendirikan menara.

ML : Berapakah imam yang ditugaskan di masjid ini?

TI : Dalam pengetahuan saya, jumlah imam yang pernah bertugas disini seramai 7 *ore*[orang]. Yang pertama ialah Haji Abdus Samad bin Haji Faqeh Abdullah iaitu Tok Pulau Chondong sendiri, selepas *tu*[itu] Tok Pulau Chondong meninggal diganti oleh anaknya iaitu Haji Muhammad Arshad bin Haji Addus Samad. Kemudian [kemudian] diganti pula oleh anak Haji Muhammad Arshad iaitu Haji Muhammad bin Haji Muhammad Arshad. Selepas *tu*[itu], diganti pula oleh anak Haji Muhammad iaitu Haji Hamzah bin Haji Muhammad. Selepas Haji Hamzah meninggal, adik dia iaitu Haji Muhammad Yusof bin Haji Muhammad ganti. Selepas Haji Muhammad Yusof uzur, Haji Muhammad Zain bin Mohd Nor telah menggantikan Haji Muhammad Yusof sebagai imam. Selepas *tu*[itu], diganti pula oleh saya sendiri Ahmad Saifuddin. Saya adalah pewaris generasi yang kelima Tok Pulau Chondong.

ML : Berapakah jumlah Jemaah maksima yang dapat ditampung di masjid ini?

TI : Masjid *ni*[ini] mampu menampung bahagian[bahagian] atah[atas] dan bawah seramai eney ratus [600] jemaah dale[dalam] satu masa.

- ML : Siapakah orang yang mengasaskan pembinaan masjid ini?
- TI : *Ore*[orang] yang mengasaskan *pembinae*[pembinaan] masjid *ni*[ini] ialah Haji Addus Samad bin Haji Faqeh Abdullah atau lebih dikenali denge[dengan] nama Tok Pulau Chondong.
- ML : Berapakah kos untuk membina masjid ini?
- TI : Kos untuk membina masjid ini saya tak[tidak] pastilah kerana masjid ini telah dibina secara bergotong-royong oleh penduduk kampung *ni*[ini], pahtu[selepas itu], peralate[peralatan] atau alat-alat yang diguna untuk membina masjid *ni*[ini] adalah diambil daripada *hutey-hutey*[hutan-hutan] yang berada disekeliling kampung *ni*[ini].
- ML : Pada tahun berapakah masjid tok pulau chondong siap dibina?
- TI : Masjid Tok Pulau Chondong ini siap dibina untuk kali keduanya pada tahun 1857[seribu lapan ratus lima puluh tujuh].
- ML : Apakah peristiwa-peristiwa menarik yang telah terjadi di masjid ini?
- TI : Peristiwa menarik yang terjadi pada masjid ini saya tak[tidak] pastilah. Tapi pada menara kayu *ni*[ini] pernah berlaku suatu peristiwa iaitu pada *zamey*[zaman] Jepun, ada dua *ore*[orang] tentera pernah memanjat menara bagi melihat keunikan menara *ni*[ini].

ML : Berapakah usia masjid baru ini?

TI : Masjid baru ni sudah berusia *seratus eney puluh* [160] tahun dan masih gah berdiri sehingga hari *ni*[ini].

ML : Pada tahun apakah masjid ini pernah terbakar?

TI : Masjid ini pernah terbakar sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1856. Disebabkan itu, Tok Pulai Chondong mengambil *keputusey*[keputusan] untuk pindahkan masjid *ni*[ini] ke Kampung Surau yang terletak tak[tidak] jauh dari tempat asal. *Kemudie*[Kemudian] terbakar *pulak*[pula] pada kali kedua pada tahun 1888.

ML : Apakah penyebab masjid ini pernah terbakar sebanyak dua kali?

TI : Masjid ini terbakar kali kedua iaitu pada tahun 1888 dibakar oleh *seseore*[seseorang] yang bernama Awang Senet, *kemudie*[kemudian] penduduk kampung telah tangkap Awang Senet dan penduduk kampung pun bunuh dia. Selepas itu, mereka memberitahu kepada Tok Pulai Chondong dan Tok Pulai Chondong *ni*[ini] menyuruh pembunuh Awang Senet ni pergi mengadap kepada raja. Kemudian raja telah mengampuni mereka semua kerana Awang Senet telah melakukan jenayah.

ML : Apakah motif atau sebab individu yang bernama Awang Senet itu membakar masjid ini ?

TI : Itu saya tak[tidak] pasti, mengikut cerita yang telah *diceritakey*[diceritakan] ialah kerana perasaan dengki dia terhadap Tok Pulau Chondong.

ML : Pada tahun berapakah masjid baru ini siap dibina?

TI : Masjid baru ini siap dibina pada tahun 1857.

ML : Dimanakah lokasi masjid lama Tok Pulau Chondong?

TI : Lokasi masjid lama Tok Pulau Chondong di Kampung Bilal Talib tetapi tapak asalnya saya tak[tidak] pasti.

ML : Mengapakah geduk serta mimbar lama masih lagi tersimpan di dalam masjid ini?

TI : Kerana geduk dan mimbar telah berusia lebih dari 100 tahun. Dan dia merupakan peninggalan lama daripada masjid Tok Pulau Chondong ni[ini].

ML : Apakah bencana yang pernah terjadi keatas masjid ini dan menara kayu ini?

TI : Bencana yang terjadi terhadap masjid ini adalah satu ribut besar yang berlaku pada tahun 1880. Pada ketika itu Tok Pulau Chondong, dia pergi ke Mekah untuk menunaikan umrah. Semasa dia ingin pergi, dia telah *berpesey*[berpesan] kepada seseorey[seseorang] supaya tebang semua pokok-pokok besar yang ada disekitar masjid dan kampung. Kemudian pada waktu berlakunya ribut tu, semua pokok-pokok besar yang tidak ditebang *tumbey*[tumbang] ditiup oleh

angin.

- ML : Bagaimanakah keadaan masjid dan menara kayu ini selepas bencana tersebut?
- TI : Alhamdulillah, dengan kuasa Allah, masjid dan menara kayu ni[ini] masih kekal pada keadaan asalnya walaupun semua pokok-pokok besar disekitarnya telah tumbang. Tapi tidak ada *sebarey*[sebarang] kerosakan yang berlaku pada masjid dan menara kayu ini.
- ML : Siapakah pemilik tanah masjid ini?
- TI : Masjid ini dibina atas sebidang tanah milik Tok Pulai Chondong tapi *sebahagienny*[sebahagian], *sebahagie*[sebahagian] kawasan seluas 77 depa adalah tanah *kerajae*[kerajaan].
- ML : Apakah kemudahan yang terdapat di dalam masjid ini?
- TI : Kemudahey[kemudahan] yang ada pada masjid ini pada masa sekarang adalah yang pertamanya masjid ini dilengkapi oleh CCTV[televisyen litar tertutup] untuk *keselamatey*[keselamatan], masjid ini juga ada penghawa dingin untuk *keselesae*[keselesaian] dan juga penyediaan pengurusan jenazah. Bagi penyediaan pengurusan jenazah iaitu dari segi peralatan mandi, khairat *kematiyey*[kematian] dan juga pengurusan van jenazah.
- ML : Apakah peralatan lama yang ada di dalam masjid ini yang masih dikekalkan

sehingga hari ini?

TI : Peralatan lama yang masih ada di dalam masjid ni[ini]yang pertama adalah mimbar. Mimbar, sekarang ni kita telah tukar menggunakan mimbar baru dan mimbar yang lama telah disimpan di sesuatu tempat *dale*[dalam] stor. Yang kedua adalah geduk. Geduk pada masa sekarang ni[ini] tidak digunakan lagi kerana geduk itu pun telah reput ataupun telah rosak. Jadi terpaksa *simpey*[simpan] bersama mimbar itu dalam suatu tempat khas. Dan yang ketiganya ialah menaralah, menarani[ini] masih kekal lagi. *Kegunae*[kegunaan] sekarangny adalah tempat untuk letak *speaker*[pembesar suara] supaya lebih tinggi suara azan tu[itu].

ML : Adakah peralatan lama itu dipertontonkan oleh orang awam atau hanya disimpan?

TI : Ya, peralatan lama tu[itu] seperti yang saya cakap geduk, mimbar telah dipertontonkan oleh orey[orang] awam di suatu tempat yang khas.

ML : Mengapakah binaan masjid ini telah dirombak?

TI : Binaan masjid ini telah dirombak kerana faktor kayu yang telah lama dan berusia. Setengah darinya telah reput. Jadi masjid ini telah dirombak dan diubah suai.

ML : Berapakah kalikah binaan masjid ini telah dirombak?

TI : Berapa kali masjid ini dirombak, saya tak[tidak] pasti, tetapi yang saya tahu masjid ini telah dirombak beberapa kali. Jadi ini bermakna lebih daripada sekali [satu kali]ia dirombak.

ML : Apakah sebab masjid ini berpindah tempat dari tapak asalnya?

TI : Sebab masjid ini berpindah tempat dari tapak asalnya kerana masjid ini pernah terbakar pada tahun 1856. Jadi Tok Pulau Chondong mengambil keputusey[keputusan] pindah masjid ni [ini] ke kampung surau kerana berdekatey[berdekatan] dengan sungai.

ML : Adakah binaan masjid sama atau masih kekal seperti binaan asal yang diasaskan oleh pengasas asalnya?

TI : Masjid yang ada pada sekarang ini telah banyak berubah atas faktor usia dan kayu yang rosak, jadi masjid binaan asal masjid ini 100% [seratus peratus] dibina daripada kayu tetapi selepas beberapa tahun kayu ini telah rosak dan terpaksa tukar kepada kayu dan sebahagiannya[sebahagiannya] daripada simen.

ML : Mengapakah lokasi kekal masjid baru ini dipilih di tepi Sungai Pulau Chondong?

TI : Lokasi ini dipilih oleh Tok Pulau Chondong sendiri. Kerana lokasi ni dipilih saya tak[tidak] pasti tu[itu], tetapi mungkin kerana lokasi ini lebih sesuai dan tidak jauh dari penempatan asal masjid sebelum itu.

ML : Apakah halangan atau cabaran yang dihadapi semasa masjid ini berpindah tempat dari tempat asalnya?

TI : *Halangey* [Halangan] atau *cabarey* [cabaran] dihadapi masjid ni semasa nak [hendak] berpindah tempat dari tempat asalnya, tak[tidak] pasti jugok tu [juga itu], tapi apa yang saya tahu ialah *halangey*[halangan] semasa penduduk kampung ingin membawa pulang kayu dari *hutey*[hutan] untuk membina menara ini. Terdapat beberapa *halangey*[halangan] atau *cabarey*[cabaran] iaitu pada awalnya kayu tu tidak dapat dibawa balik kerana terlalu besar dan berat dan seterusnya petani menyuruh Tok Pulau Chondong dan penduduk berhenti menarik kayu tersebut kerana takut sawah padi dia rosak.

ML : Berapa ramaikah penduduk kampung yang terlibat dengan pembinaan masjid ini?

TI : Penduduk yang terlibat untuk pembinaan ini juga tak [tidak] pasti, tetapi untuk membina menara kayu masjid ini, ia *kerahdengey* [dengan]beratus-ratus tenaga lelaki dari penduduk kampung ini.

ML : Apakah keistimewaan masjid ini?

TI : Keistimewaan masjid ini ianya merupakan salah satu masjid yang tertua di *Kelante* [Kelantan] yang berusia lebih daripada 160 tahun. Menara masjid ini juga dibuat daripada kayu cengal yang diambil daripada *hutey* [hutan] yang *berdekatey* [berdekatan].

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SEJARAH TOK PULAI CHONDONG

ML : Siapakah nama sebenar Tok Pulai Chondong?

TI : Nama sebenar Tok Pulai Chondong ialah Haji Addus Samad bin Haji Faqeh Abdullah.

ML : Mengapakah beliau digelar sebagai Tok Pulai Chondong?

TI : Nama *gelare* [gelaran] sebagai Tok Pulai Chondong ini dikatakan diambil sempena nama sebuah pokok pulai yang agak besar dan condong di pinggir kampung tersebut. Pokok Pulai itu dikatakan telah wujud sebelum perkampungan ini dibuka lagi. Dari situlah, kampung, masjid serta beliau sendiri diberi nama jolokey [jolokan] sebagai Pulai Chondong.

ML : Apakah asal usul Tok Pulai Chondong?

TI : Asal usul Tok Pulai Chondong adalah daripada *keteruney*[keturunan] Sultan Ahmad Minan Kabau. Selepas itu, keluarganya berhijrah ke Patani di Thailand. *Kemudiey* [kemudian], datuknya telah berhijrah sekali lagi ke kampung bukit di Pulai Chondong.

ML : Apakah sumbangan Tok Pulai Chondong?

TI : Tok Pulai Chondong adalah ulama tersohor pada *zamey* [zaman] *pemerintahey* [pemerintahan] Sultan Mahammad kedua [2] pada tahun 1838 [seribu lapan ratus tiga puluh lapan] hingga 1886 [seribu lapan ratus lapan puluh

enam].Antara sumbangey [sumbangan] Tok Pulai Chondong ialah mengasaskan institusi *pendidikey* [pendidikan] dan pengembangan syiar Islam di Kelate [Kelantan].Selain itu, beliau juga berjaya mengubah corak *kehidupey* [kehidupan] masyarakat *Kelante* [Kelantan] ketika itu yang masih jahil sehingga menjadi masyarakat yang berilmu dan patuh terhadap perintah Allah dan Rasul-Nya.

ML : Siapakah keturunan Tok Pulai Chondong?

TI : Tok Pulai Chondong mempunyai tiga *ore* [orang] adik-beradik.Mereka ialah Halimah, Abd.Rahman dan Tok Pulai Chondong sendiri.Halimah iaitu yang sulung berkahwin *dengey* [dengan] *ore* [orang] Kubang Kiat di Kota Bharu.Selepas itu menetap di Labok [Kelantan] yang terletak kira-kira 5 kilometer dari Pulai Chondong [Kelantan].Di antara tiga adik beradik itu hanya Tok Pulai Chondong yang mewarisi jejak langkah ayah dan datuknya sebagai ulama.*Diriwayatkey* [diriwayatkan] bahawa Tok Pulai Chondong mempunyai empat *ore* [orang] isteri>Nama-nama mereka ialah Mek Mendusa, Bi'ah, Thamani dan Zaleha.Tok Pulai Chondong dikurniakan 16 [enam belas]ore [orang] anak.Empat daripadanya meninggal dunia ketika masih kecil manakala 12 [dua belas]ore [orang] anak lagiterdiri daripada *sembiley* [9] ore [orang] lelaki dan tiga ore [orang] perempuey [perempuan].Antara nama anak-anaknya ialah yang pertama Haji Abdul Hamid, yang kedua Haji Abdul Syukur, yang ketiga Haji Abdul Aziz, yang keempat Haji Umar, yang kelima Haji Muhammad

Said, yang *keeney* [keenam] Haji Taib, yang ketujuh Hajah Siti Mariam, yang *kelapey* [kelapan] Haji Muhammad Arsyad, yang *kesembiley* [kesembilan] Haji Abdullah, yang *sepuluh* [keseperuluh] Haji Muhammad, yang *kesebelas* Hajah Zainab dan yang keduabelas Hajah Ummu Maimunah. Seterusnya, hasil perkahwiney [perkahwinan] Tok Pulai Chondong dengey [dengan] Thamani memperoleh empat ore [orang] anak iaitu Haji Taib, Haji Abdul Syukur, Haji Muhammad Arsyad dan Haji Abdul Aziz.

ML : Mengapakah Tok Pulai Chondong begitu terkenal?

TI : Tok Pulai Chondong terkenal sebab *sumbangey* [sumbangan] ilmu agama dia seluruh Pulai Chondong [Kelantan] dan juga seluruh Kelante [Kelantan].Antara ilmu pengetahue [pengetahuan] yang disebarkan oleh Tok Pulai Chondong adalahdari tiga *cabey* [cabang]ilmu *pengetahue* [pengetahuan] iaitu usuluddin, fiqh dan tasawuf.Seterusnya, beliau membuka penempatan baru yang tidak *berjauhey* [berjauhan] dari Kampung Bukit [Kelantan], iaitu Kampung Bilal Talib [Kelantan].Tok Pulai Chondong *mendirikey* [mendirikan] sebuah surau yang akhirnya menjadi sebuah tempat pengajian sistem pondok.Mereka yang belajar ilmu di situ datang dari pelbagai pelosok nusantara seperti Kampar, Sumatera, Kemboja, Patani, Terengganu, dan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu dan lain-lain.Pondok Tok Pulai Chondong ini telah didirikan oleh Tok Pulai Chondong pada tahun 1820 [seribu lapan ratus dua puluh].Berdasarkey [Berdasarkan] tahun berdirinya pondok itu, maka para

sejarawan Malaysia *berkesimpuley* [berkesimpulan] bahawa Pondok Pulau Chondong merupakan pondok terawal di *Kelante* [Kelantan]. Selain itu juga, Tok Pulau Chondong dikenali ramai kerana kealimannya dalam bidang tasawwuf. Beliau jugaseore [seorang] yang praktikal maksudnya ilmu tasawwuf yang dipelajarinya diamlnya bersungguh-sungguh. Makin bertambah banyak *pengetahuanya* [pengetahuannya] di bidang tasawuf makin bertambah kuatlah Tok Pulau Chondong beramal. Pada masa tuanya beliau terkenal sebagai seorang sufi yang warak, banyak membaca pelbagai wirid dan zikir. Zikir jihar dan zikir sirr semuanya beliau kerjakan dengan tekun di sepanjang siang dan malam.

ML : Bolehkah tok imam ceritakan serba sedikit sejarah hidup Tok Pulau Chondong?

TI : Sejarah hidup Tok Pulau Chondong, beliau dilahirkey [dilahirkan] di Kampung Bukit, Pulau Chondong [Kelantan] lebih kurey [kurang] pada tahun 1792 [seribu tujuh ratus Sembilan puluh dua] masihi ataupun bersamaan dengan 1207 [seribu dua ratus tujuh] hijrah. Semasa kecilnya, dia mendapat *didikey* [didikan] agama daripada ayahnya iaitu Haji Faqeh Abdullah bin Haji Arshin, pada ketika itu adalah *imey* [imam] mukim masjid kampung bukit [Kelantan]. Dan Tok Pulau Chondong melanjutkan pelajarannya ke Mekah buat kali pertamanya pada tahun 1808 [seribu lapan ratus lapan] masihi dan berguru *denge* [dengan] seorang alim yang bernama Haji Adam.

ML : Bolehkah tok imam ceritakan tentang sejarah pendidikan Tok Pulau Chondong?

TI : Sejarah pendidikan Tok Pulau Chondong, Beliau pernah belajar di Pondok Pauh Bok di Patani *denge* [dengan] Syeikh Abdur Rahman bin Abdul Mubin al-Fathani. Selanjutnya beliau pergi ke Mekah pada tahun 1223 [seribu dua ratus dua puluh tiga] Hijrah ataupun *bersamae* [bersamaan] *denge* [dengan] 1808 [seribu lapan ratus lapan] Masihi. Di sana beliau belajar *denge* [dengan] Tue [Tuan] Guru Haji Adam. Semasa di Mekah, beliau bersahabat *denge* [dengan] beberapa *ore* [orang] ulama antaranya ialah Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fathani yang *kemudieynyo* [kemudiannya] yang kemudian dikenali *denge* [dengan] nama *Tue* [Tuan] Hasan Besut. Juga saudaranya Syeikh Wan Ali bin Wan Ishaq al-Fathani. Sewaktu belajar di Mekah, Tok Pulau Chondong juga bersahabat dengan Syeikh Abdul Malik bin Isa Terengganu, Syeikh Wan Musa dan ramai lagi. Setelah menetap beberapa tahun di Mekah, Tok Pulau Chondong pulang balik ke *Kelante* [Kelantan].

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: SEJARAH MENARA KAYU TOK PULAI CHONDONG

ML : Pada tahun berapakah menara ini ditubuhkan?

TI : Menara kayu ini *ditubuhkey* [ditubuhkan] sekitar tahun 1857 [seribu lapan ratus lima puluh tujuh]. Menara kayu ini merupakan objek kemegahan *tempatey* [tempatan] yang telah dibuka atau pun yang telah dibina oleh Haji Abdus Samad bin Haji Faqeh Abdullah iaitu Tok Pulai Chondong.

ML : Berapakah ketinggian Menara kayu masjid ini?

TI : *Ketinggie* [ketiggian] menara kayu ini ialah 57 [lima puluh tujuh] kaki ataupun *bersamae* [bersamaan] *dengey* [dengan] 17.3 [tujuh belas perpuhuan tiga] meter dari aras tanah.

ML : Mengapakah Menara kayu itu ditubuhkan?

TI : Menara kayu ini ditubuhkan kerana sebagai tempat bilal melaungkan *azey* [azan] bagi setiap waktu solat.

ML : Mengapakah setiap kali waktu solat, bilal akan naik ke Menara kayu tersebut untuk melaungkan azan?

TI : Bilal akan naik ke menara kayu tersebut untuk melaungkan *azey* [azan] kerana dia jadi lebih jelas didengar dan lebih kuat.

ML : Berapakah kedalaman paksi menara kayu ini ditanam?

TI : Berdasarkan yang saya tahu, kedalaman paksi menara kayu ini ditaney [ditanam] *sedalaley* [sedalam] 28 [dua puluh lapan] kaki. Di tengah-tengah menara ini, *didirikey* [didirikan] *sebatey* [sebatang] *tiyey* [tiang] yang tidak bersambung sebagai paksi. Paksi ini juga berbentuk segi *lapey* [8] sekata berukuran lilit disebelah bawah 43 [empat puluh tiga] inci dan disebelah atas 24 [dua puluh empat] inci.

ML : Bagaimanakah Menara kayu ini dibina?

TI : Menara kayu ini dibina secara gotong-royong *dengey* [dengan] menggunakan tenaga beratus-ratus *orey* [orang] lelaki. Sewaktu mendirikan menara ini beduk dibunyikan untuk memanggil penduduk kampung untuk turut sama membantu. Reka bentuk menara ini juga merupakan daripada Tok Pulai Chondong sendiri. Menara ini boleh dianggap salah satu warisan pertukangan Melayu yang unik dan dapat dibanggakan. Menara kayu ini dibina menggunakan *sebatey* [sebatang] *tiyey* [tiang] tanpa sebarang sambungan daripada umbi yang *ditaney* [ditanam] dalam tanah sehingga ke puncak menara.

ML : Apakah peralatan yang digunakan untuk membina menara kayu ini?

TI : Peralatey [peralatan] yang diguna untuk membina menara kayu ini ialah *denge* [dengan] menggunakan beliung, kapak dan juga pahat sahaja. Lepah tu [Selepas itu], kesey-kesey [kesan-kesan] beliung dan kapak masih *kelihatey* [kelihatan] pada paksi kayu tersebut.

- ML : Berapakah anak tangga untuk menaiki ke menara kayu ini?
- TI : Untuk naik ke atas menara ini, disediakan 25 [dua puluh lima] tangga yang jaraknya antara satu dengan yang lain purata 1 kaki 8 inci. Anak tangga yang berbentuk trapezium ini dilekatkan pada hujung-hujung paksi dan kepada bahagian luar yakni [iaitu]di dinding menara itulah. Dengan *demikiey* [demikian], anak tangga itu mengikat dan mengukuhkan kedudukan menara tersebut.Tangga ini dibuat berkeliling paksi mengikut arah pusingan jarum jam.Dan dibahagian atas menara itu iaitu tempat bilal melaungkan *azey* [azan] dibuat pelantaian.Pintu masuk ke tempat itu ialah sebuah lubang [lubang] yang berbentuk seakan-akan separuh *bulatey* [bulatan] berukuran 1 kaki 9 inci pada bahagian yang paling panjey [panjang].Dari lantai kerahrusuk tingginya *eney* [enam] kaki.Ini bererti *ore* [orang] yang tinggi *kurey* [kurang] daripada 6 kaki boleh berdiri tegak dan *seney* [senang] untuk memasuki menara itu.
- ML : Berapakah lilitan luar dan bentuk segi menara kayu ini?
- TI : Ukuran lilitan luar menara ini ialah 12 [dua belas] kaki 6 [enam] inci dan berbentuk *lapey* [lapan] segi sekata.*Soaley* tadi tu [Soalan tadi itu] saya tersilap, anak tangga dimenara itu, bukan berkeliling mengikut pusingan jarum jam tapi *berlawaney* [berlawanan] *dengey* [dengan] pusingan jarum jam.
- ML : Berapakah ketebalan dinding menara kayu ini?

- TI : Ketebalan dinding menara kayu ini adalah $\frac{1}{4}$ [satu per empat] kaki.
- ML : Apakah kayu yang digunakan untuk membina Menara kayu di masjid ini?
- TI : Kayu yang *digunakey* [digunakan] untuk membina Menara kayu di masjid ini iaitu menggunakan kayu cengal batu.
- ML : Mengapakah kayu itu digunakan untuk membina Menara kayu di masjid ini?
- TI : Kayu itu digunakan kerana ia bergema apabila bilal melaungkan *azey* [azan].
- ML : Dimanakah kayu untuk membina menara kayu ini diambil?
- TI : Kayu menara ini... kayu dan dinding untuk membina menara ini diambil dari bukit cina [Kelantan]. Tapi sebelum itu, Tok Pulai Chondong bersama dengan bilalnya telah pergi ke satu bukit yang dipanggil bukit tinjau [Kelantan]. Disana ada satu *batey* [batang] kayu yang besar dan Tok Pulai Chondong menyuruh bilal itu panjat pokok itu dan melaungkan azan. Apabila bilal melaungkan azan, bilal turun dan mengatakan, suaranya tidak bergema. Jadi Tok Pulai Chondong bawa bilal ke bukit lain iaitu bukit cina [Kelantan]. Disana terdapat satu pokok cengal batu yang tinggi. Kemudian bilal itu panjat dan melaungkan azan disitu. Dia bagitahu Tok Pulai Chondong, suaranya terlalu bergema dan sesuai untuk dilaungkan azan.
- ML : Berapakah jarak masjid ini dengan tempat mengambil kayu itu?

TI : Jarak untuk mengambil kayu dan dinding untuk bina menara kayu ini ialah lebih kurey [kurang] 4 kilometer dari Pulau Chondong [Kelantan].

ML : Siapakah yang memilih kayu untuk membina menara kayu itu?

TI : Kayu untuk membina menara itu dipilih oleh Tok Pulau Chondong bersama dengan bilalnya dengan caracuba melaungkan azan di atas pokok untuk melihat kesesuayey [kesesuaian] dan kualiti kayu tersebut.

ML : Bagaimanakah kayu untuk membina menara kayu itu dibawa ke lokasi masjid itu?

TI : Cara atau bagaimana kayu untuk membina menara tu dibawa. Pada awalnya, Tok Pulau Chondong bersama-sama dengey [dengan] lebih *kurey* [kurang] 300 [tiga ratus] orang penduduk telah pergi ke tempat itu untuk *menebey* [menebang] pokok dan nak [ingin] bawa balik kayu tersebut. Tetapi selepas menebangnya, tidak dapat membawa balik kerana terlalu besar dan berat. Kemudian Tok Pulau Chondong balik kerumah dan pergi sekali lagi bersama dengan 40 [empat puluh] ore [orang] penduduk kampung. Dan disitulah semasa menarik kayui tu, dengan kehendak Allah, 40 [empat puluh] ore [orang] yang menarik itu boleh bergerak berbanding dengey [dengan] 300 [tiga ratus] ore [orang] yang menarik sebelum itu. Kayu itu ditarik menggunakan tali ataupun *rotey* [rotan] daripada *hutey* [hutan] secara bergotong-royong bersama penduduk kampung. Dikatakan, setiap kali anak buahnya merasa letih kerana berat kayu cengal tersebut, Haji

Abdus Samad atau Tok Pulai Chondong akan naik duduk di atasnya dan balak itu dikatakan menjadi ringan semula untuk ditarik. Itulah antara keramat yang Allah bagi kepada Tok Pulai Chondong. Setelah sampai di Pulai Chondong [Kelantan] pula, petani-petani minta kepada Tok Pulai Chondong supaya *jangey* [tidak] tarik lagi kayu itu kerana takut rosak padi-padi mereka. Tok Pulai Chondong bagitahu “Tak apalah [Tidak mengapalah], kita akan tarik lain kali”. Tetapi pada waktu subuh esoknya, kayu tersebut telah ada di berhampiran masjid sedangkan padi yang ada di kawasan itu tidak rosak. Itu adalah satu lagi keramat yang Allah bagi kepada Tok Pulai Chondong.

- ML : Berapa panjang kayu yang diambil untuk membina menara kayu ini?
- TI : Menurut cerita, *ore* [orang] ramai yang bergotong-royong membawa *puley* [pulang] pokok kayu cengal ini yang panjangnya 25.6 [dua puluh lima perpuluhan enam] meter dari bukit Cina [Kelantan].
- ML : Mengapakah menara kayu tersebut lebih condong ke arah utara walaupun penduduk kampung pernah cuba menegakkannya?
- TI : Saya tak [tidak] pasti kenapa menara itu condong ke bahagian utara dan pernah ada cubaan untuk membetulnya pada tahun 1958 [seribu Sembilan ratus lima puluh lapan].
- ML : Bagaimanakah cara yang digunakan penduduk kampung bagi menegakkan atau

membetulkan kedudukan menara kayu ini?

TI : Cara yang *digunakey* [digunakan] penduduk kampung bagi menegakkan atau membetulkan kedudukan menara kayu ini adalah *dengey* [dengan] memotong kepingan dinding luar di bahagian bawah. Seterusnya, penduduk dikatakan cuba mengalih sedikit sudut menara lalu menggantikan tapak asas dinding kayu di bawah *dengey* [dengan] bancuhan simen, tetapi usaha itu tidak berjaya membaikinya.

ML : Mengapakah bilal tidak lagi memanjat Menara kayu ini untuk melaungkan azan?

TI : Menara kayu ini tidak lagi dilaungkan azan kerana dengan teknologi yang ada kita sudah ada pembesar suara. Kini menara ini menjadi tempat letak pembesar suara sahaja.

ML : Boleh Tok Imam jelaskan dengan lebih mendalam tentang peristiwa tentera jepun memanjat menara ini?

TI : Menurut cerita, menara ini menara yang pernah menjadi saksi pelbagai peristiwa sepanjang 160 [seratus enam puluh] tahun kewujudannya ini pernah dipanjat oleh askar Jepun yang tertarik *dengey* [dengan] pembinaannya pada zaman Perey [Perang] Dunia Kedua. Askar Jepun yang ketika itu sedang sibuk membina lapangan terbang [terbang] di Padang Luas dekat Labok [Kelantan] sekitar 1941 hingga 1942 datang melawat jemaah yang selesai menunaikan solat

Jumaat. Terdapat tiga *ore* [orang] semuanya lengkap *dengey* [dengan] pakaian seragey [seragam] naik sampai ke atas menara, tidak tahulah apa niat mereka sebenarnya tetapi mereka datang secara baik dan memaklumkan terlebih dahulu kepada penduduk hajat mereka untuk melawat.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: PERKHIDMATAN DAN AKTIVITI

- ML : Apakah aktiviti yang dilakukan di masjid ini pada ketika dahulu?
- TI : Aktiviti yang dilakukan di masjid ini pada ketika dahulu adalah satu pusat pengajian pondok yang terawal di negeri Kelantan-Pondok ini telah dapat tumpuan seluruh masyarakat di semenanjung Malaysia—di Terengganu, Pahang dan juga selatan Thailand datang kesini untuk men-mencari ilmu agama. Seterusnya, selepas itu apabila disebabkan terlalu ramai pelajar—Imam pada ketika itu iaitu anak kepada Tok Pulai Chondong iaitu Haji Mohamad Arshad telah berbincang untuk pindahkan pusat pengajian ini kepada satu tempat yang lain dan setelah berpindah—pondok itu telah berpindah dalam satu tempoh yang lama pihak kerajaan telah ambil pondok itu dan sekarang ini dikenali Maahad Samsul Maarif Perempuan.
- ML : Apakah aktiviti yang dilakukan di masjid ini pada masa ini?
- TI : Aktiviti pada masa ini lebih kepada ceramah-ceramah ataupun kuliah maghrib ataupun kuliah subuh dan juga pengajian al-quran untuk kanak-kanak selepas pengajian fardhu ain, kuliah muslimat dan juga program-program motivasi dan program kemasyarakatan.
- ML : Apakah terdapat sebarang bayaran yang dikenakan untuk program seperti program mengaji yang dikatakan oleh imam itu?
- TI : Program ini dilaksanakan dengan secara percuma tetapi kita—masjid yang

bagi[memberi] sumbangan kepada penceramah ataupun tenaga pengajar.

ML : Ini bermakna program yang dilakukan berdasarkan sumbangan daripada masyarakat sekitar kepada masjid ini?

TI : Ya, betul.

ML : Apakah perkhidmatan yang disediakan di masjid ini?

TI : Perkhidmatan yang disediakan di masjid ini yang terutama adalah perkhidmatan pengurusan jenazah bagi anak mukim disini dan juga kawasan-kawasan sekitar ni[in]i dan pengurusan lain adalah pengurusan nikah, pengurusan zakat fitrah ataupun zakat harta dan juga pengurusan-pengurusan khidmat nasihat.

ML : Bagaimanakah perkhidmatan seperti mana yang imam katakan sebagai contoh perkhidmatan jenazah[perkhidmatan pengurusan jenazah], bagaimanakah prosedur untuk memohon perkhidmatan itu?

TI : Perkhidmatan jenazah sekarang pihak masjid telah membuat satu tabung iaitu tabung khairat kematian yang mana setiap anak mukim akan membuat bayaran sebanyak RM50 ringgit satu tahun dan jika *ade*[ada] kematian dalam keluarga anak mukim sini pihak masjid akan menguruskan jenazah itu bermula daripada mandi, kafan, solat dan seterusnya hingga ke kubur tanpa bayaran daripada keluarga si mati[jenazah] dan sekiranya keluarga ini mati di luar pada kawasan Pulau Chondong maka pihak masjid akan memberi sumbangan sebanyak

RM1000 ringgit kepada keluarga.

- ML : Adakah zakat fitrah itu dibahagikan penduduk-penduduk sekeliling masjid ini?
- TI : Kutipan zakat fitrah disini adalah berdasarkan kepada perintah Majlis Agama Islam Kelantan yang mana imam ataupun amil zakat mengutip zakat fitrah itu. Selepas itu, menyerahkan hasil zakat itu kepada Majlis Agama Islam dan dari Majlis Agama Islam akan *ade*[ada] agihan-agihan kepada asnaf-asnaf di seluruh Kelantan.
- ML : Apakah kolaborasi dengan organisasi luar yang pernah dilakukan di masjid ini?
- TI : Masjid ini kita pernah bekerjasama dengan Sekolah Rendah Pulau Chondong untuk membuat program motivasi kepada pelajar tahun enam untuk menduduki peperiksaan UPSR[Ujian Penilaian Sekolah Rendah]—pernah juga program gotong-royong bersama dengan Polis Diraja Malaysia[IPD Machang] dan juga bersama dengan KRT[Kumpulan Rukun Tetangga] di sekitar masjid ini untuk membuat sukaneka dan juga program kemasyarakatan.
- ML : Daripada manakah sumber kewangan yang digunakan untuk sesebuah program kolaborasi itu?
- TI : Sumbangan bergantung *atas*[kepada] program, *kalu*[kalau] program dengan sekolah kebiasaannya ditaja ibu bapa, sekiranya program dengan KRT[Kumpulan Rukun Tetangga] itu adalah sumber daripada wang KRT

sendiri masjid hanya menambah sahaja.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: PENDAPAT

- ML : Apakah impak masjid ini terhadap masyarakat di Kelantan dan penduduk sekitarnya?
- TI : Impak masjid ini terhadap masyarakat di Kelantan dan penduduk sekitarnya adalah satu masjid yang bersejarah yang harus dikekalkan dan diingati semua masyarakat.
- ML : Apakah impak yang dapat diberikan oleh masjid ini kepada generasi akan datang?
- TI : Untuk generasi akan datang, masjid ini dikekalkan dengan penyebaran ilmu agama supaya generasi akan datang tidak melupakan asal usul agama.
- ML : Mengapakah nilai sejarah masjid ini harus dikekalkan?
- TI : Nilai sejarah masjid ini harus dikekalkan kerana supaya generasi muda dapat melihat keunikan dan kehebatan seni bina masjid lama yang telah diushakan oleh masyarakat-masyarakat terdahulu.
- ML : Pada Pendapat tok imam, bagaimanakah bangunan ini dapat mengekalkan nilai sejarahnya?
- TI : Pendapat saya, untuk mengekalkan nilai sejarah masjid ini, haruslah semua masyarakat haruslah memainkan *perane* [peranan] menjaga dan memelihara barang-barang yang bersejarah yang ada di masjid ini.

ML : Pada pendapat tok imam, siapakah yang bertanggungjawab dalam mengekalkan nilai sejarah masjid ini?

TI : Yang bertanggungjawab mengekalkan nilai sejarah masjid ini adalah jabatan warisan negara kerana masjid ini adalah satu warisan sejarah yang harus dikekalkan.

ML : Apakah inisiatif yang dapat diambil dalam menyampaikan sejarah masjid ini kepada masyarakat akan datang?

TI : Inisiatif yang dapat diambil untuk menyampaikan sejarah masjid ini kepada masyarakat akan datang dengan menggunakan media masa sama ada dengan dokumentari ataupun cerita2 yang berkaitan dengan sejarah dan juga dengan menggunakan penulisan sama ada di akhbar ataupun majalah-majalah.

ML : Adakah itu juga termasuk seperti mana *website-website* [laman sesawang] yang dipaparkan di dalam internet?

TI : Betul.

ML : Apakah halangan atau cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan nilai sejarah masjid ini?

TI : Halangan atau cabaran untuk mengekalkan nilai sejarah ini kita kerana ketiadaan- Halangan atau cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan nilai

sejarah masjid ini adalah kerana ketiadaancara untuk mengekalkan keadaan asal barang tersebut atas faktor usia yang lama.

ML : Adakah ini disebabkan oleh bahan-bahan yang digunakan untuk membuat peralatan itu?

TI : Barang-barang bersejarah ini diperbuat daripada kayu, jadi kita tidak dapat menjaga dia dengan baik kerana kayu semakin lama akan semakin reput dan kita tidak ada cara untuk mengekalkan dia.

ML : Apakah halangan atau cabaran yang dihadapi dalam menyampaikan sejarah masjid ini kepada masyarakat?

TI : Halangan atau cabaran untuk menyampaikan sejarah masjid ini kepada masyarakat pula adalah kita kekurangan apa *tu* [itu] masyarakat sekarang ini kurang minat kepada sejarah-sejarah dan juga kita di pihak masjid pula, tiada maklumat yang lengkap untuk menceritakan kepada masyarakat kerana tidak ada sejarah-sejarah secara bertulis yang ditinggalkan oleh orang-orang terdahulu. Hanya yang kita dapat kumpulkan adalah daripada cerita mulut kepada- mulut ke mulut sahaja.

ML : Adakah ini bermakna tiada sebarang catatan bertulis mengenai sejarah masjid ini?

TI : Catatan bertulis hanya adaperkara yang sama dan tidak ada cerita-cerita

yanglainlah untuk kita sampaikan kepada masyarakat.

ML : Apakah pendapat tok imam tentang keadaan masjid ini dalam tempoh 10 tahun akan datang?

TI : Pendapat saya tentang keadaan masjid ini dalam tempoh 10 tahun akan datang adalah penambahbaikan struktur masjid dan juga penambahan jemaah masjid insyaallah akan bertambah dan kesedaran masyarakat terhadap sejarah masjid ini akan lebih luas lagi dengan adanya cerita-cerita dari buku-buku ataupun daripada media massa.

TAMAT BAHAGIAN 8

BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN

ML : Apakah harapan tok imam pada Masjid Tok Pulau Chondong pada masa akan datang?

TI : Harapan saya pada masa hadapan ialah mengharapkan generasi akan datang akan sentiasa menghargai warisan sejarah masjid ini kerana masjid ini adalah lambang sebuah perpaduan dan keringat masyarakat terdahulu untuk membinanya dan kita sebagai generasi baru haruslah menghargainya agar tidak ditelan zaman atau dilupakan. Selain itu, saya juga mengharapkan masjid ini akan terus diimarahkan oleh generasi akan datang sebagai salah satu pusat penyebaran ilmu seperti menuntut ilmu pengajian al-quran.

ML : Apakah perancangan tok imam untuk penambah baikkan masjid ini pada masa akan datang?

TI : Perancangan untuk penambahbaikkan pada masa akan datang mungkin boleh dipertingkatkan lagi dari keselamatan masjid ini dengan menggunakan elektronik lock pintu supaya individu yang tidak dikenali tidak dapat masuk ke pejabat masjid ini. selain itu, kawasan parkir mungkin boleh diperluaskan lagi agar dapat memberikan lebih keselesaan dan kemudahan kepada pengguna masjid ini serta dapat menampung bilangan jemaah yang ramai pada satu-satu masa.

ML : Adakah tok imam bercadang untuk menggunakan semula Menara kayu masjid ini

sebagai tempat melaungkan azan?

TI : Cadangan itu mungkin sesuai dilaksanakan tapi kita harus memikirkan faktor keselamatan oleh sebab menara kayu tersebut sudah berusia jadi mungkin sudah tidak sesuai digunakan kerana akan merosakkan ciri-ciri fizikal menara kayu tersebut. Jadi kita harus mengelakkan sebarang aktiviti yang mungkin boleh merosakkan menara kayu tersebut.

ML : Apakah harapan tok imam untuk pewaris masjid ini di masa hadapan?

TI : Harapan saya untuk pewaris masjid ini pada masa hadapan ialah saya mengharapkan pewaris masjid ini akan terus mengekalkan nilai-nilai warisan di masjid ini dengan menjaganya sebaik mungkin seperti geduk dan mimbar lama tersebut. Saya juga mengharapkan pewaris masjid ini akan memegang dengan baik amanah masjid ini demi untuk generasi yang seterusnya.

ML : Bagaimana pula dengan harapan tok imam kepada agensi atau pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga institusi agama Islam?

TI : Bagi pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga institusi agama islam seperti Majlis Agama Islam Kelantan, saya mengharapkan mereka akan terus mempertahankan nilai-nilai masjid ini kerana masjid ini adalah salah satu pusat penyebaran agama islam di kawasan pulau chondong ini. Selain itu, soal kebajikan di masjid ini juga haruslah dititikberatkan kerana soal ini penting bagi sesebuah institutsi masjid.

- ML : Apakah pesanan tok imam yang boleh diberikan kepada golongan masa kini dalam usaha pembinaan sesebuah masjid?
- TI : Pesanan yang boleh saya berikan kepada golongan masa kini dalam usaha pembinaan sesebuah masjid ialah janganlah hanya menitik beratkan soal kebesaran/keluasan masjid tetapi haruslah jugak memikirkan usaha untuk mengimarahkan sesebuah masjid itu kerana jika hanya keluasan masjid yang besar tetapi tidak diimarahkan oleh orang sekeliling tiada manfaatnya juga.
- ML : Akhir kata, boleh tok imam memberikan beberapa patah kata tentang sokongan dan cadangan untuk sesebuah institusi agama seperti masjid bergerak seiring dengan masa kini dalam menyampaikan ilmu?
- TI : Cadangan yang boleh saya berikan untuk sesebuah institusi masjid bergerak seiring dengan masa kini dalam menyampaikan ilmu ialah dengan adaptasikan penggunaan teknologi dalam usaha menyampaikan ilmu iaitu seperti mana penggunaan projektor disetengah ketika waktu tazkirah/khutbah. Selain itu, penggunaan papan kenyataan digital yang memaparkan aktiviti masjid dapat menarik jemaah sekeliling kawasan masjid untuk mengimarahkan masjid tersebut.

TAMAT BAHAGIAN 9

Demikian tadi temubual bersama pewaris mengenai sejarah bangunan Masjid Tok Pulau Chondong. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama dan kesudian beliau memberikan maklumat mengenai sejarah bangunan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Semoga hasil rakaman ini dapat memberi manfaat kepada pendengar penyelidikan dan generasi akan datang.

RUJUKAN

Rujukan

(Ahmad Saifuddin Mohamad Nor, komunikasi peribadi, November 11, 2018)

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor yang bertujuan menceritakan mengenai beliau dan juga menceritakan tentang Masjid Lama Pulau Chondong.

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
1.30	Menceritakan nama penuh	Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor
1.39	Menceritakan nama gelaran	Tiada nama gelaran
1.44	Menceritakan usia	32 tahun

2.03	Menceritakan tempat kelahiran	Kampung surau pulai chondong
2.11	Menceritakan tempat tinggal	Kampung surau pulai chondong
2.26	Menceritakan mengenai bilangan adik beradik	Sembilan orang
2.38	Menceritakan mengenai bilangan anak	4 orang anak lelaki
2.48	Menceritakan mengenai hobi masa lapang	Membuat kuih ataupun kek
2.57	Menceritakan mengenai penglibatan dalam bidang perniagaan	Berniaga sampingan

3.12	Menceritakan tarikh pelantikan sebagai imam	1 hari bulan September 2011
3.32	Menceritakan mengenai peranan sebagai seorang imam	Mengimami solat Menguruskan jenazah Menguruskan zakat Menguruskan nikah cerai
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
3.49	Menceritakan mengenai sekolah rendah	Sekolah Kebangsaan Pulau Chondong
3.59	Menceritakan mengenai sekolah menengah	Sekolah Menengah Madrasatul Quran Kubang Bujut, Kuala Terengganu
4.48	Menceritakan tahun bermula dan tamat persekolahan	Bermula pada tahun 1998 dan tamat pada tahun 2009
5.43	Menceritakan mengenaikenangan manis yang tidak dapat dilupakan disepanjang penganjian	Khatam al-quran 30 juzuk secara hafazan

BAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI

6.18	Menceritakan mengenai tempat pekerjaan yang lepas	Masjid Al-Munawarah, Seksyen 27 Shah Alam
7.50	Menceritakan mengenai tempoh bekerja sebagai imam di masjid yang lalu	Satu tahun tiga bulan
8.10	Menceritakan mengenai sebab bertukar lokasi kerja	Saranan keluarga untuk mengambil alih sebagai masjid warisan pusaka

BAHAGIAN 4: SEJARAH MASJID TOK PULAI CHONDONG

8.52	Menceritakan mengenai sebab dinamakan Masjid Tok Pulai Chondong	Mengenang jasa Tok Pulai Chondong
9.21	Menceritakan mengenai bagaimana masjid telah dibina	Seluruh tenaga penduduk dikerah
9.48	Menceritakan mengenai sebab diketogorikan sebagai bangunan bersejarah	Salah satu masjid yang tertua di Kelantan

10.32	Menceritakan mengenai bantuan dari luar semasa membina	Penduduk Jeli membawa rotan
11.12	Menceritakan mengenai imam yang pernah ditugaskan di masjid ini	Haji Abdus Samad bin Haji Faqeh Abdullah Haji Muhammad Arshad bin Haji Addus Samad Haji Muhammad bin Haji Muhammad Arshad Haji Hamzah bin Haji Muhammad Haji Muhammad Yusof bin Haji Muhammad Haji Muhammad Zain bin Mohd Nor Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor
12.58	Menceritakan mengenai jumlah Jemaah maksima	600 jemaah
14.44	Menceritakan mengenai mengasaskan pembinaan masjid	Haji Addus Samad bin Haji Faqeh Abdullah
15.14	Menceritakan mengenai kos untuk membina masjid	Bergotong-royong oleh penduduk kampung
17.59	Menceritakan mengenai tahun siap dibina	Pada 1857

18.15	Menceritakan mengenai peristiwa-peristiwa menarik yang telah terjadi	2 orang tentera jepun pernah memanjat menara bagi melihat keunikan menara ni
18.58	Menceritakan mengenai usia masjid baru	160 tahun
19.79	Menceritakan mengenai tahun masjid ini pernah terbakar	Pada tahun 1856 Pada tahun 1888
20.57	Menceritakan mengenai penyebab masjid ini pernah terbakar	Dibakar oleh seseorang yang bernama Awang Senet
22.15	Menceritakan mengenai motif membakar	Perasaan dengki terhadap Tok Pulai Chondong
23.01	Menceritakan mengenai tahun masjid baru siap dibina	Pada tahun 1857
23.34	Menceritakan mengenai lokasi masjid lama	Kampung Bilal Talib
24.19	Menceritakan mengenai sebab geduk serta mimbar lama masih lagi disimpan	peninggalan lama daripada masjid Tok Pulai Chondong
26.17	Menceritakan mengenai bencana yang pernah terjadi keatas masjid	Ribut besar yang berlaku pada tahun 1880

28.57	Menceritakan mengenai pemilik tanah masjid	Sebahagiannya di atas sebidang tanah milik Tok Pulai Chondong. Sebahagian lagi milik kerajaan
29.15	Menceritakan mengenai kemudahan yang terdapat di dalam masjid	CCTV Pengahawa dingin Van jenazah
30.50	Menceritakan mengenai peralatan lama	Mimbar Geduk
32.25	Menceritakan mengenai rombakkan masjid	Kerana kayu yang telah lama dan berusia
34.12	Menceritakan mengenai perpindahan tempat	Kerana terbakar pada tahun 1856
36.28	Menceritakan mengenai pembinaan masjid baru	Beratus-ratus tenaga lelaki
38.11	Menceritakan mengenai Keistimewaan masjid	Salah satu masjid yang tertua di Kelantan
BAHAGIAN 5: SEJARAH TOK PULAI CHONDONG		
41.12	Menceritakan mengenai nama Tok Pulai Chondong	Haji Addus Samad bin Haji Faqeh Abdullah

42.42	Menceritakan mengenai asal usul Tok Pulai Chondong	Keturunan Sultan Ahmad Minan Kabau
44.11	Menceritakan mengenai sumbangan Tok Pulai Chondong	Mengasaskan institusi pendidikan dan pengembangan syiar Islam
43.54	Menceritakan mengenai keturunan Tok Pulai Chondong	Mempunyai tiga orang adik-beradik
46.16	Menceritakan mengenai sebab Tok Pulai Chondong begitu terkenal	Sumbangan ilmu agama dia seluruh Kelantan
48.27	Menceritakan mengenai sejarah hidup Tok Pulai Chondong	Dilahirkan di Kampung Bukit, Pulai Chondong pada tahun 1792
52.10	Menceritakan mengenai sejarah pendidikan Tok Pulai Chondong	Belajar di Pondok Pauh Bok di Patani Mekah pada tahun 1223
BAHAGIAN 6:SEJARAH MENARA KAYU TOK PULAI CHONDONG		
54.04	Menceritakan mengenai tahun menara ini ditubuhkan	Tahun 1857
55.09	Menceritakan mengenai ketinggian menara	57 kaki

56.01	Menceritakan mengenai bagaimanaakah menara kayu dibina	Secara gotong-royong
59.48	Menceritakan mengenai ciri-ciri menara	Ukuran lilitan luar menara ini ialah 12 kaki 6 inci Ketebalan dinding menara kayu $\frac{1}{4}$ kaki
1.01.20	Menceritakan mengenai proses pengambilan kayu	Diambil dari bukit cina
1.03.42	Menceritakan mengenai sebab menara kayu tersebut lebih condong ke arah utara	Tidak pasti tetapi ada cubaan untuk membetulnya pada tahun 1958
1.09.07	Menceritakan mengenai peristiwa tentera jepun memanjat menara	Sekitar 1941 hingga 1942 datang melawat jemaah yang selesai menunaikan solat Jumaat

BAHAGIAN 7: PERKHIDMATAN DAN AKTIVITI

1.19.58	Menceritakan mengenai aktiviti yang dilakukan di masjid pada ketika dahulu	Satu pusat pengajian pondok yang terawal di negeri Kelantan
1.21.21	Menceritakan mengenai aktiviti yang dilakukan di masjid ini pada masa sekarang	Ceramah-ceramah Kuliah maghrib dan subuh Pengajian al-quran
1.23.57	Menceritakan mengenai perkhidmatan yang disediakan	Pengurusan nikah Pengurusan zakat fitrah dan zakat harta Pengurusan khidmat nasihat

1.25.14	Menceritakan mengenai kolaborasi dengan organisasi luar	Sekolah Rendah Pulau Chondong Polis Diraja Malaysia IPD Machang Kumpulan Rukun Tetangga
---------	---	--

BAHAGIAN 8: PENDAPAT

1.26.21	Menceritakan mengenai impak masjid terhadap masyarakat di Kelantan	Satu masjid yang bersejarah yang harus dikekalkan dan diingati semua masyarakat
1.28.56	Menceritakan mengenai impak yang dapat diberikan oleh masjid kepada generasi akan datang	Dikekalkan dengan penyebaran ilmu agama
1.30.12	Menceritakan mengenai nilai sejarah masjid	Semua masyarakat haruslah memainkan peranan menjaga dan memelihara barang-barang yang bersejarah yang ada di masjid
1.31.22	Menceritakan mengenai halangan menyampaikan sejarah masjid	Ketiadaannya untuk mengekalkan keadaan asal barang tersebut atas faktor usia yang lama
1.33.46	Menceritakan mengenai keadaan masjid ini dalam tempoh 10 tahun akan datang	Penambahbaikan struktur masjid dan juga penambahan jemaah masjid

BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN

1.35.12	Menceritakan mengenai harapan pada masa akan datang	Generasi akan datang akan sentiasa menghargai warisan sejarah masjid
1.36.16	Menceritakan mengenai perancangan untuk penambahbaikan masjid	Elektronik lock pintu Memperluaskan kawasan parkir
1.38.52	Menceritakan mengenai harapan untuk pewaris masjid ini di masa hadapan	Terus mengekalkan nilai-nilai warisan di masjid ini dengan menjaganya sebaik mungkin Memegang dengan baik amanah masjid
1.41.41	Menceritakan mengenai harapan kepada agensi atau pihak-pihak yang bertanggungjawab	Terus mempertahankan nilai-nilai masjid
1.42.12	Menceritakan mengenai pesanan yang boleh diberikan kepada golongan masa kini	Janganlah hanya menitikberatkan soal kebesaran/keluasan masjid tetapi haruslah jugak memikirkan usaha untuk mengimarahkan sesebuah masjid
1.44.21	Menceritakan mengenai cadangan untuk sesebuah institusi agama bergerak seiring dengan masa kini dalam menyampaikan ilmu	Adaptasikan penggunaan teknologi dalam usaha menyampaikan ilmu

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.00 ptg – 4.00 ptg	12 Sep 2018	<p>Kami diberi penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai Oral History dan Puan Nurulannisa memberi tahu tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah bangunan bersejarah di daerah Machang.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan Puan Nurulannisa menyuruh setiap kumpulan memikirkan tempat untuk di buat kajian.</p>	<p>Membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu di lakukan.</p> <p>Menentukan siapa ahli kumpulan.</p>
4.00 ptg – 4.30ptg	13Sep2018	Mencari maklumat mengenai bangunan bersejarah di daerah Machang.	Mencari bangunan bersejarah di Google.
2.00 ptg – 4.00 ptg	26 Sep 2018	Kami mengusulkan tajuk yang telah kami kenal pasti kepada Puan Nurulannisa iaitu Rumah Tengku Bongsu.	Mendapat persetujuan daripada pensyarah.

2.00 ptg – 3.00 ptg	2 Okt 2018	Mengubungi Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar untukbertanyakan kesudian beliau di temubual.	Mendapat bersetuju untuk di temubual.
2.00 ptg – 4.00 ptg	10 Okt 2018	Berbincang dengan pensyarah mengenai soalan yang akan ditanya	Berbincang dan memperbetulkan soalan.
2.00 ptg – 4.00 ptg	17 Okt 2018	Menunjukkan semula soalan yang ingin ditujukan kepada En. Ahmad Saifuddin	Soalan diluluskan oleh pensyarah.
2.00 ptg – 3.00 ptg	20 Okt 2018	Menghubungi En. Ahmad Saifuddin untuk mendapatkan tarikh ditemubual.	Mendapat tarikh untuk ditemubual.
2.00 ptg – 3.00 ptg	30 Okt 2018	Mendapatkan surat kebenaran rasmi UiTM.	Maendapatkan surat.

10.00 pg –11.00 pg.	5 Nov 2018	Menghantar senarai soalan kepada En. Ahmad Saifuddin.	Soalan dihantarkan kepada En. Ahmad Saifuddin.
11.00 pg – 12.00 pg.	9 Nov 2018	Mengingatkan En. Ahmad Saifuddin mengenai temubual.	Mengingatkan En. Ahmad Saifuddin dan bertanyakan mengenai masa.
2.00 ptg – 4.00 ptg	11 Nov 2018	Perjumpaan bersama Engku En. Ahmad Saifuddin di Masjid Tok Pulau Chondong.	Temubual bermula.
4.30 ptg – 5.00 ptg	11 Nov 2018	Memberi hadiah dan cendera mata kepada En. Ahmad Saifuddin setelah selesai sesi temubual.	Hadiah diberikan kepada En. Ahmad Saifuddin.
2.00 ptg -2.15 ptg	28 Nov 2018	Menghubungi En. Ahmad Saifuddin untuk mendapatkan tarikh ditemubual kedua	Mendapat tarikh untuk ditemubual.

3.25 ptg – 6.15 ptg	9 Dec 2018	Perjumpaan kedua bersama En. Ahmad Saifuddin di Masjid Tok Pulai Chondong.	Temubual kedua bermula.
------------------------	------------	--	-------------------------

SENARAI SOALAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai sejarah penubuhan Masjid Lama Pulau Chondong. Bersama-sama kami ialah Ahmad Saifuddin Bin Mohamad Nor yang merupakan seorang imam di masjid lama pulau chondong. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 November 2018 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 3.30 petang bertempat di Masjid Lama Pulau Chondong. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Luqman B.Razali, Abdul Shahrul Azim B.Sudin dan juga Muhammad Khairi B.Jamalluddin. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA PEWARIS MASJID TOK PULAI CHONDONG

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

Assalamualaikum Tok Imam.Bolehkah kita mulakan sesi temubual kita sekarang pada hari ini. Baiklah Tok Imam, kita mulakan sesi temubual pertama kita tentang latar belakang Tok Imam. Bolehkah Tok Imam ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Tok Imam?

1. Boleh saya tahu nama penuh Tok Imam?
2. Apakah nama gelaran Tok Imam?
3. Berapakah usia Tok Imam sekarang?
4. Bilakah tahun Tok Imam dilahirkan?
5. Dimanakah Tok Imam dilahirkan?
6. Dimanakah Tok Imam menetap sekarang?
7. Tok Imam mempunyai berapa orang adik beradik?
8. Tok Imam mempunyai beberapa orang anak?
9. Apakah hobi Tok Imam pada masa lapang?
10. Adakah Tok Imam berniaga?
11. Bilakah tok imam dilantik sebagai imam masjid ini?
12. Apakah peranan tok imam sebagai imam di masjid ini?

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Baiklah, kita akan meneruskan sesi temubual kita dengan bahagian kedua iaitu mengenai latar belakang pendidikan awal dan kerjaya tok imam.

13. Dimanakah Tok Imam bersekolah rendah?

14. Dimanakah Tok Imam bersekolah menengah?
15. Pada tahun berapakah Tok Imam bermula dan tamat persekolahan?
16. Apakah kenangan manis yang tidak dapat tok imam lupakan disempanjang penganjian?

BAHAGIAN 3: KERJAYA TERKINI

Seterusnya, kita meneruskan sesi tembual ini dengan bahagian yang ketiga iaitu soalan yang berkisar dengan sejarah pekerjaan awal tok imam, boleh tok imam kongsi:

17. Dimanakah tempat tok imam bekerja sebelum ini ?
18. Berapa tahunkah Tok Imam bekerja sebagai imam di masjid sana?
19. Mengapakah Tok Imam bertukar lokasi sebagai[dalam] kerjaya imam?

BAHAGIAN 4: SEJARAH MASJID TOK PULAI CHONDONG

Seterusnya, kita beralih kepada bahagian mengenai sejarah Masjid Tok Pulau Chondong atau asal usul kewujudan masjid ini. Boleh Tok Imam ceritakan dengan lebih jelas.

20. Bolehkah Tok Imam ceritakan mengapakah masjid ini dinamakan Masjid Tok Pulau Chondong?
21. Bagaimanakah masjid ini telah dibina?
22. Mengapakah masjid ini diketogorikan sebagai bangunan bersejarah?
23. Adakah pembinaan masjid ini mendapat bantuan dari luar?
24. Berapakah imam yang ditugaskan di masjid ini?
25. Berapakah jumlah Jemaah maksima yang dapat ditampung di masjid ini?
26. Siapakah orang yang mengasaskan pembinaan masjid ini?
27. Berapakah kos untuk membina masjid ini?
28. Pada tahun berapakah masjid tok pulau chondong siap dibina?
29. Apakah peristiwa-peristiwa menarik yang telah terjadi di masjid ini?
30. Berapakah usia masjid baru ini?
31. Pada tahun apakah masjid ini pernah terbakar?
32. Apakah penyebab masjid ini pernah terbakar sebanyak dua kali?
33. Apakah motif atau sebab individu yang bernama Awang Senet itu membakar masjid ini ?
34. Pada tahun berapakah masjid baru ini siap dibina?
35. Dimanakah lokasi masjid lama Tok Pulau Chondong?
36. Mengapakah geduk serta mimbar lama masih lagi tersimpan di dalam masjid ini?

37. Apakah bencana yang pernah terjadi keatas masjid ini dan menara kayu ini?
38. Bagaimanakah keadaan masjid dan menara kayu ini selepas bencana tersebut?
39. Siapakah pemilik tanah masjid ini?
40. Apakah kemudahan yang terdapat di dalam masjid ini?
41. Apakah peralatan lama yang ada di dalam masjid ini yang masih dikekalkan sehingga hari ini?
42. Adakah peralatan lama itu dipertontonkan oleh orang awam atau hanya disimpan?
43. Mengapakah binaan masjid ini telah dirombak?
44. Berapakah kalikah binaan masjid ini telah dirombak?
45. Apakah sebab masjid ini berpindah tempat dari tapak asalnya?
46. Adakah binaan masjid sama atau masih kekal seperti binaan asal yang diasaskan oleh pengasas asalnya?
47. Mengapakah lokasi kekal masjid baru ini dipilih di tepi Sungai Pulai Chondong?
48. Apakah halangan atau cabaran yang dihadapi semasa masjid ini berpindah tempat dari tempat asalnya?
49. Berapa ramaikah penduduk kampung yang terlibat dengan pembinaan masjid ini?
50. Apakah keistimewaan masjid ini?

BAHAGIAN 5: SEJARAH TOK PULAI CHONDONG

Di bahagian seterusnya pula ialah tentang sejarah Tok Pulai Chondong. Di bahagian ini, Tok imam akan menceritakan tentang sejarah Tok Pulai Chondong iaitu pengasas masjid ini.

51. Siapakah nama sebenar Tok Pulai Chondong?
52. Mengapakah beliau digelar sebagai Tok Pulai Chondong?
53. Apakah asal usul Tok Pulai Chondong?
54. Apakah sumbangan Tok Pulai Chondong?
55. Siapakah keturunan Tok Pulai Chondong?
56. Mengapakah Tok Pulai Chondong begitu terkenal?
57. Bolehkah tok imam ceritakan serba sedikit sejarah hidup Tok Pulai Chondong?
58. Bolehkah tok imam ceritakan tentang sejarah pendidikan Tok Pulai Chondong?

BAHAGIAN 6: SEJARAH MENARA KAYU TOK PULAI CHONDONG

Seterusnya kita beralih ke bahagian kelima iaitu tentang sejarah Menara kayu Tok Pulai Chondong.

59. Pada tahun berapakah menara ini ditubuhkan?

60. Berapakah ketinggian Menara kayu masjid ini?
61. Mengapakah Menara kayu itu ditubuhkan?
62. Mengapakah setiap kali waktu solat, bilal akan naik ke Menara kayu tersebut untuk melaungkan azan?
63. Berapakah kedalaman paksi menara kayu ini ditanam?
64. Bagaimanakah Menara kayu ini dibina?
65. Apakah peralatan yang digunakan untuk membina menara kayu ini?
66. Berapakah anak tangga untuk menaiki ke menara kayu ini?
67. Berapakah lilitan luar dan bentuk segi menara kayu ini?
68. Berapakah ketebalan dinding menara kayu ini?
69. Apakah kayu yang digunakan untuk membina Menara kayu di masjid ini?
70. Mengapakah kayu itu digunakan untuk membina Menara kayu di masjid ini?
71. Dimanakah kayu untuk membina menara kayu ini diambil?
72. Berapakah jarak masjid ini dengan tempat mengambil kayu itu?
73. Siapakah yang memilih kayu untuk membina menara kayu itu?
74. Bagaimanakah kayu untuk membina menara kayu itu dibawa ke lokasi masjid itu?
75. Berapa panjang kayu yang diambil untuk membina menara kayu ini?
76. Mengapakah menara kayu tersebut lebih condong ke arah utara walaupun penduduk kampung pernah cuba menegakkannya?
77. Bagaimanakah cara yang digunakan penduduk kampung bagi menegakkan atau membetulkan kedudukan menara kayu ini?
78. Mengapakah bilal tidak lagi memanjat Menara kayu ini untuk melaungkan azan?
79. Boleh Tok Imam jelaskan dengan lebih mendalam tentang peristiwa tentera jepun memanjat menara ini?

BAHAGIAN 7: PERKHIDMATAN DAN AKTIVITI

80. Apakah aktiviti yang dilakukan di masjid ini pada ketika dahulu?
81. Apakah aktiviti yang dilakukandi masjid ini pada masa ini?
82. Apakah terdapat sebarang bayaran yang dikenakan untuk program seperti program mengaji yang dikatakan oleh imam itu?
83. Ini bermakna program yang dilakukan berdasarkan sumbangan daripada masyarakat sekitar kepada masjid ini?
84. Apakah perkhidmatan yang disediakan di masjid ini?

85. Bagaimanakah perkhidmatan sepertimana yang imam katakana? Sebagai contoh, perkhidmatan jenazah, bagaimanakah prosedur untuk memohon perkhidmatan itu?
86. Adakah zakat fitrah itu dibahagikan penduduk-penduduk sekeliling masjid ini?
87. Apakah kolaborasi dengan organisasi luar yang pernah dilakukan di masjid ini?
88. Untuk program kolaborasi itu, daripada manakah sumber kewangan yang digunakan untuk sesebuah kolaborasi itu?

BAHAGIAN 8: PENDAPAT

Untuk bahagian seterusnya, kita beralih ke pendapat tok imam sendiri di dalam beberapa aspek berkenaan masjid ini.

89. Ok, untuk pertama sekali, sebagai masjid bersejarah, apakah impak masjid ini terhadap masyarakat di Kelantan dan penduduk sekitarnya?
90. Apakah impak yang dapat diberikan oleh masjid ini kepada generasi akan datang?
91. Mengapakah nilai sejarah masjid ini harus dikekalkan?
92. Pada Pendapat tok imam, bagaimanakah bangunan ini dapat mengekalkan nilai sejarahnya?
93. Pada pendapat tok imam, siapakah yang bertanggungjawab dalam mengekalkan nilai sejarah masjid ini?
94. Apakah inisiatif yang dapat diambil dalam menyampaikan sejarah masjid ini kepada masyarakat akan datang?
95. Adakah itu juga termasuk seperti mana website-website [laman sesawang] yang dipaparkan di dalam internet?
96. Apakah halangan atau cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan nilai sejarah masjid ini?
97. Adakah ini disebabkan oleh bahan-bahan yang digunakan untuk membuat peralatan itu?
98. Apakah halangan atau cabaran yang dihadapi dalam menyampaikan sejarah masjid ini kepada masyarakat?
99. Adakah ini bermakna tiada sebarang catatan bertulis mengenai sejarah masjid ini?
100. Apakah pendapat tok imam tentang keadaan masjid ini dalam tempoh 10 tahun akan datang?

BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN

Kita ke bahagian yang terakhir iaitu bahagian mengenai harapan tok imam serta pesanan untuk orang luar terhadap bangunan Masjid Tok Pulau Chondong ini.

101. Apakah harapan tok imam pada Masjid Tok Pulau Chondong pada masa akan datang?
102. Apakah perancangan tok imam untuk penambah baikkan masjid ini pada masa akan datang?
103. Adakah tok imam bercadang untuk menggunakan semula Menara kayu masjid ini sebagai tempat melaungkan azan?
104. Apakah harapan tok imam untuk pewaris masjid ini di masa hadapan?
105. Bagaimana pula dengan harapan tok imam kepada agensi atau pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga institusi agama Islam?
106. Apakah pesanan tok imam yang boleh diberikan kepada golongan masa kini dalam usaha pembinaan sesebuah masjid?
107. Akhir kata, boleh tok imam memberikan beberapa patah kata tentang sokongan dan cadangan untuk sesebuah institusi agama seperti masjid bergerak seiring dengan masa kini dalam menyampaikan ilmu?

Demikian tadi temubual mengenai sejarah bangunan Masjid Tok Pulau Chondong. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kerjasama dan kesudian beliau memberikan maklumat mengenai sejarah bangunan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Semoga hasil rakaman ini dapat member manfaat kepada pendengar penyelidikan dan generasi akan datang.

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan AHMAD SAIFUDDIN & MOHD NOR Pada 11 Nov 2018.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan
Kampus Machang

**Pejabat Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik)**

Deputy Rector Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>

Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156

Email : tpheakin@kelantan.uitm.edu.my



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)

Tarikh : 1 November 2018

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
KELANTAN**

BIL	NAMA	NO PELAJAR
1	ABDUL SHAHRUL AZIM BIN SUDIN	2017275912
2	MUHAMMAD LUQMAN BIN RAZALI	2017275962
3	MUHAMMAD KHAIRI BIN JAMALLUDDIN	2017275636

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)** dari **FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT** bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **MUHAMMAD KHAIRI BIN JAMALLUDDIN** di talian **01758******.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RUSLINDA RAZAK

Penolong Pendaftar Kanan

b.p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

GAMBAR

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Gambar bersama pewaris Masjid Lama Pulau Chondong

LAMPIRAN 2



Gambar 2: Menara Masjid Lama Pulau Chondong

INDEKS

A

Apakah, 14
Ahmad Saifuddin, 1
Awang Senet, 9

B

Boh, 26,27
Bukit Cina, 32

C

Condong, 10
CCTV, 11

H

Haji Abdus Samad Bin Haji
Faqeh, 15

P

Pulai Chondong, 1,2,3
Pondok, 30

M

Membakar, 15

K

Kuala Lumpur, 13
Kebakaran, 15

T

Tok Pulai Chondong, 1,2,9